

## PERSELISIHAN PENIAGA BELON, PENGUAT KUASA DBKL

# *Polis buka tiga kertas siasatan*

**Kuala Lumpur:** Kertas siasatan berhubung insiden membabitkan penjual belon dan penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sudah diserahkan kepada Timbalan Pendakwa Raya (TPR) untuk tindakan lanjut.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Seri Mohd Shuhaily Mohd Zain berkata, pihaknya membuka tiga kertas siasatan berhubung insiden itu.

“Kita buka tiga kertas

siasatan mengikut Seksyen 186, Seksyen 325 Kanun Keseksaan dan Seksyen 506 Kanun Keseksaan.

“Dua kita sudah diserahkan kepada TPR manakala satu lagi kertas siasatan kita sedang menunggu Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

kerana ia berkaitan laman web,” katanya ketika dite-

mui di sini, semalam.

Difahamkan, semakan rekod lampau terhadap penjual belon berkenaan mendapati terdapat 13 rekod jenayah lampau.

Kebanyakan rekod berkaitan kesalahan dadah.

Individu kini masih menerima rawatan di

hospital manakala bagi dua penguat

kuasa DBKL itu pula sudah diambil tin-

dakan dalam oleh jabatan.

Sebelum ini, media melaporkan keadaan di Jalan TAR kecoh susulan perselisihan antara seorang peniaga belon dan penguat kuasa DBKL.

Berdasarkan dua rakaman video tular berdurasi lebih tiga minit di media sosial sejak awal pagi Sabtu, berlaku aksi tolak menolak antara pegawai penguat kuasa DBKL dan sekumpulan peniaga yang cuba mempertahankan barangan jualan mereka.



**Penjual belon  
berkenaan miliki  
13 rekod jenayah  
lampau**